

Oleh Sri Ayu Kartika
Amri

kartika@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Klasifikasi pendapatan boleh belanja bersih isi rumah baharu wajar diperkenalkan termasuk pelaksanaan gaji progresif perlu disegerakan bagi membantu meningkatkan pendapatan rakyat Malaysia.

Profesor Madya dan Timbalan Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM) The Future Research, Profesor Madya Ts Dr Anuar Shah Bali Mahomed berkata, pengelasan isi rumah sekarang dilihat tidak bertepatan dengan keadaan dan situasi semasa dengan mengambil kira harga barangan serta kos sara hidup.

Katanya, kenaikan gaji yang diterima oleh sebahagian pekerja juga tidak seimbang dengan kenaikan harga barangan dan kos sara hidup.

“Pada pandangan saya, sebelum pelaksanaan subsidi bersasar dilaksanakan, amat penting untuk menyemak semula pengelasan pendapatan isi rumah dengan bersandarkan kepada penetapan klasifikasi baharu pendapatan boleh belanja bersih isi rumah berbanding klasifikasi berdasarkan pendapatan isi rumah yang digunakan pada masa ini.

“Sebagai contoh, berdasarkan pendapatan isi rumah sekarang, bukan semua T20 ketika ini tergolong dalam kelompok yang mewah dan kaya.

“Bagaimana anggaran perbelanjaan bagi pendapatan isi rumah sebanyak RM12,000 yang dikategorikan ketika ini sebagai pendapatan isi rumah T20,

Bisnes



PENGGELASAN isi rumah sekarang dilihat tidak bertepatan dengan keadaan dan situasi semasa dengan mengambil kira harga barangan serta kos sara hidup.

PENGGELASAN ISI RUMAH

PERLU PENETAPAN KLASIFIKASI BAHARU

malah selepas ditolak semua perbelanjaan termasuk pembayaran pinjaman, bil utiliti, pembelian barangan keperluan harian, perbelanjaan tanggungan yang kecil, masih di sekolah atau di institusi pengajian tinggi (IPT), insuran dan lain-lain, berapa baki yang tinggal?

“Sebahagian T20 bukan mewah sebenarnya terutama yang bekerja di kawasan bandar dan mempunyai bilangan tanggungan yang ramai serta mempunyai komitmen perbelanjaan tinggi,” katanya.

Menurutnya, peralihan subsidi juga perlu mengambil kira bilangan tang-

gungan yang masih kecil, sedang belajar di sekolah atau di IPT.

Beliau berkata, selain daripada klasifikasi baharu pendapatan boleh belanja bersih isi rumah diperkenalkan, pelaksanaan gaji progresif juga perlu disegerakan.

“Tinjauan gaji tahunan 2024 Robert Walters mendapati 63 peratus atau lebih tiga daripada lima pekerja menjangkakan kenaikan gaji tahun ini dan sebahagian besar (71 peratus) menjangkakan kenaikan gaji sebanyak 10 peratus tahun ini.

“Ini membuktikan bahawa pekerja di Malaysia

mengharapkan berlakunya kenaikan gaji yang lebih baik tahun ini sama ada di sektor swasta mahupun di sektor awam untuk mengimbangi kos sara hidup,” katanya.

Anuar berkata, perkara ini juga menjadi lebih penting dengan pelaksanaan program subsidi bersasar dan amat penting untuk mengimbangi antara subsidi bersasar dan gaji setimpal yang wajar diterima oleh pekerja Malaysia dengan mengambil kira keadaan ekonomi dan situasi semasa yang lebih men-cabar.

Berdasarkan pengelasan isi rumah pada 2020

oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, isi rumah yang berpendapatan bawah RM4,850 sebulan dikategorikan sebagai B40, isi rumah M40 berpendapatan antara RM4,851 hingga RM10,970, manakala kumpulan isi rumah yang berpendapatan melebihi RM10,971 dikategorikan sebagai T20.

T20 dibahagikan kepada dua iaitu T1- RM10,971 hingga RM15,040 dan T2- RM15,041 dan ke atas.

Namun berdasarkan pengumuman sebelum ini, pengelasan B40, M40 dan T20 bakal dihapuskan secara berperingkat mulai 2024.